



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwp.gov.my

KENYATAAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

RM39.75 JUTA INISIATIF WILAYAH CAKNA 3.0 UNTUK WARGA WILAYAH PERSEKUTUAN YANG TERKESAN DENGAN PKPB

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Agensi mewujudkan inisiatif tambahan bagi Wilayah Cakna 3.0 khusus kepada warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya yang terkesan dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) khususnya kepada golongan B40 dan miskin. Sebanyak **RM39.75 juta** diperuntukkan bagi Inisiatif Wilayah Cakna 3.0 kali ini. Keseluruhan perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh pihak KWP, DBKL, PPj, PL, MAIWP, JAWI dan Yayasan Wilayah Persekutuan bagi IWC terdahulu untuk tempoh Mac hingga 12 Oktober 2020 berjumlah RM108.64 juta bagi pelaksanaan bantuan dan inisiatif Wilayah Cakna kepada warga Wilayah Persekutuan.

Inisiatif Wilayah Cakna 3.0 kali ini adalah untuk warga Wilayah Persekutuan yang terkesan dengan PKPB sahaja, serta tidak melibatkan kluster petugas barisan hadapan dan pesakit serta PUI (patient under investigation) COVID-19.

Bagi komuniti yang menetap di Projek Perumahan Rakyat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (**PPR MTEN**) dan **Perumahan Awam (PA) DBKL**, mereka **dikecualikan bayaran sewa rumah bagi tempoh tiga (3) bulan bermula Oktober hingga Disember 2020**. Keseluruhan peruntukan ini adalah berjumlah RM14.4 juta yang akan memberi manfaat kepada 40,000 penyewa PPR MTEN dan PA DBKL di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

5,830 Penjaja dan Peniaga Kecil Berlesen di Kuala Lumpur pula dikecualikan **caj sewaan premis niaga (milik DBKL)** yang melibatkan pengecualian hasil kepada DBKL berjumlah **RM2.5 juta**. Penjaja dan peniaga kecil WP Kuala Lumpur ini juga turut diberi **pengecualian bayaran bagi pembaharuan lesen perniagaan bulan November 2020** yang melibatkan **1339 akaun** dengan kos sebanyak **RM330,000.00**.

Pengecualian caj sewaan premis milik Perbadanan Putrajaya (PPj) juga memberi manfaat kepada **302 penjaja dan peniaga kecil di WP Putrajaya** yang **bermula Oktober hingga Disember 2020** melibatkan pengecualian hasil kepada PPj berjumlah **RM1.87 juta**. Penjaja dan peniaga kecil WP Putrajaya ini juga turut diberi

pengecualian bayaran pembaharuan lesen perniagaan yang dibuat dalam tempoh Oktober hingga Disember 2020 melibatkan peruntukan berjumlah RM50,000.

PPj akan menyediakan **bantuan *Food Pack*** berbentuk baucar makanan kepada **asnaf dan golongan miskin (B40) bernilai RM100.00** untuk setiap isi rumah.

Pelajar sekolah daripada keluarga berpendapatan rendah di Kuala Lumpur akan menerima baucar **bantuan buku latihan sekolah** bernilai **RM100.00** daripada Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) yang boleh digunakan di koperasi sekolah masing-masing. Manakala 1,000 orang pelajar miskin di Putrajaya juga turut menerima baucar ***Back to School*** bernilai **RM100.00** daripada PPj sebagai persediaan untuk perbelanjaan barangan persekolahan tahun hadapan. 350 orang pelajar tadika kelolaan PPj turut **dikecualikan daripada bayaran yuran bulan Oktober 2020.**

Sumbangan sebanyak **RM3,000 secara *one-off*** diberikan kepada **11 Majlis Perwakilan Penduduk WP Kuala Lumpur dan 6 sub zon MPPWP Putrajaya**, manakala **RM2,000 secara *one-off*** diberikan kepada **570 persatuan-persatuan penduduk** di KL serta Putrajaya. Ini bertujuan untuk pelaksanaan program-program pencegahan COVID-19 dalam kalangan komuniti bagi memutuskan rantai penularan COVID-19.

Sejumlah **RM1.4 juta** diperuntukkan bagi program-program bantuan kepada golongan asnaf dan berpendapatan rendah oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (**JAWI**). Ini termasuk bantuan kepada Masjid dan Surau Jumaat di WP Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan; Program Dapur It'am; Program Bantuan Dakwah; dan Program Bantuan Baitul Rizq Masjid Wilayah. Pihak **MAIWP** juga turut memberikan bantuan kecemasan khas COVID-19 dan bantuan makanan serta sewa kediaman kepada mahasiswa awam di IPTA WP Kuala Lumpur berjumlah **RM12.7 juta.**

Program nyah kuman merangkumi aktiviti-aktiviti disinfeksi serta pembersihan menyeluruh di **semua kawasan awam dan sekolah WP Kuala Lumpur dan Putrajaya** akan dilaksanakan secara berterusan bagi membendung penularan wabak COVID-19.

Keprihatinan kerajaan terhadap isu dan situasi yang getir ini haruslah ditangani secara bersama terutama dalam komuniti supaya kita berjaya memutuskan rantai COVID-19 dan menjadi Wilayah Persekutuan sifar COVID-19.

YB Tan Sri TPr. Annuar Hj Musa
Menteri Wilayah Persekutuan
15 Oktober 2020

MAKLUMAT TAMBAHAN

SENARAI INSENTIF DI BAWAH INISIATIF WILAYAH CAKNA 3.0 KEPADA WARGA WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA BAGI TEMPOH OKTOBER HINGGA DISEMBER 2020

BIL.	INSENTIF	TEMPOH	BILANGAN PENERIMA	JUMLAH KESELURUHAN (RM)	CATATAN
1	PERUMAHAN				
1.1	Pengecualian bayaran sewa bulanan rumah PPR MTEN dan PA DBKL	Oktober – Disember	40,000 unit	14,400,000.00	PPR & PA milik DBKL
2	PENJAJA DAN PENIAGA KECIL BERLESEN				
2.1	Pengecualian caj sewaan premis niaga milik DBKL dan PBT WP Putrajaya	Oktober – Disember	6,132 orang	4,370,038.00	5,830 – KL 302 - Putrajaya
2.2	Pengecualian pembayaran bagi pembaharuan lesen perniagaan	14 Oktober hingga 31 Disember	1,639 peniaga	380,000.00	1,339 peniaga - DBKL (untuk bulan November) 300 peniaga - Putrajaya
3	ASNAF DAN GOLONGAN BERPENDAPATAN RENDAH				
3.1	Baucar makanan (food pack) RM100 kepada isi rumah berpendapatan rendah	Oktober – Disember	1,000 keluarga	100,000.00	Warga Putrajaya
3.2	Baucar 'Back To School' bernilai RM100	Disember	26,000 pelajar	2.5 juta 100,000.00	25,000 - KL 1,000 - Putrajaya
3.3	Pengecualian yuran tadika	Oktober sahaja	350 orang pelajar	101,700.00	Tadika kelolaan PPj
4	KOMUNITI				
4.1	Sumbangan RM3,000 <i>one-off</i> kepada 11 MPPWP KL dan 6 sub zon MPPWP Putrajaya	<i>One-off</i>	11 MPPWP KL 6 Sub Zon MPPWP Putrajaya	51,000.00	11 zon MPP – KL (RM33,000) 6 sub zon – PPj (RM18,000)

4.2	Sumbangan RM2,000 <i>one-off</i> kepada Persatuan Penduduk WP KL	<i>One-off</i>	570 persatuan	1,140,000.00	450 – KL (RM900,000) 120 – Putrajaya (RM240,000)
4.3	Program nyah kuman di semua kawasan awam dan sekolah di WP KL dan Putrajaya <i>*secara berkala dan mengikut keperluan</i>	Oktober – Disember	-	2,500,000.00	Putrajaya dan Kuala Lumpur
JUMLAH KESELURUHAN				RM 25,642,738	

**SENARAI BANTUAN WILAYAH CAKNA 3.0 OLEH JAWI
BAGI TEMPOH OKTOBER HINGGA DISEMBER 2020**

BIL.	INSENTIF	BILANGAN PENERIMA	JUMLAH KESELURUHAN (RM)	CATATAN
KOMUNITI				
1	Program JAWI Food Bank	2,000 orang	120,000.00	Barang keperluan asas
2	Program Bantuan Masjid /Surau Jumaat WP	5,000 orang	300,000.00	Barangan keperluan Asas
3	Program Dapur It'am di WP KL, Labuan dan Putrajaya	86,400 orang	864,000.00	Makanan bermasak
4	Program Bantuan Dakwah	2,000 orang	100,000.00	Barang keperluan asas
5	Program Bantuan dari Masjid Wilayah - Baitul Rizq	300 orang	15,000.00	Barang keperluan asas
JUMLAH KESELURUHAN		95,700 orang	RM1,399,000.00	

**SENARAI INSENTIF DI BAWAH INISIATIF WILAYAH CAKNA 3.0
KEPADA WARGA WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
OLEH MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP)
BAGI TEMPOH OKTOBER HINGGA DISEMBER 2020**

BIL.	INSENTIF	TEMPOH	BILANGAN PENERIMA	JUMLAH KESELURUHAN (RM)	CATATAN
1	Bantuan kecemasan khas COVID -19	Oktober - Disember	4,900 orang	2,450,000.00	
2	Bantuan makanan dan sewa kediaman kepada mahasiswa awam di wilayah persekutuan	Pembayaran mengikut semester, iaitu tempoh Okt 2020 hingga Mac 2021(180 hari)	4,279 orang	10,258,080.00	<u>UTM KL</u> <ul style="list-style-type: none"> • RM3,247,200.00 • 1230 orang <u>UPNM</u> <ul style="list-style-type: none"> • RM990,000.00 • 650 orang <u>UM</u> <ul style="list-style-type: none"> • RM2,400,000.00 • 1000 orang <u>UKM KL</u> <ul style="list-style-type: none"> • RM3,620,880.00 • 1399 orang
	JUMLAH KESELURUHAN		9,179 orang	RM12,708,080.00	